

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perancangan program pembangunan seperti menambah baik sistem perparitan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan kampung di Wangsa Maju.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, di bawah Program Pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), beberapa Projek Pembangunan Infrastruktur Kampung Tradisi di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diambil perhatian.

Sehubungan itu, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL, telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan serta longkang sekitar Kampung di 11 buah parlimen. Tujuan pelaksanaan infrastruktur Kampung adalah untuk menjaga keselamatan serta memberi keselesaan kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan kerja pembangunan di kawasan Kampung bukan mudah, kerana terhalang oleh isu hak milik tanah.

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL telah melaksanakan beberapa program menaiktaraf longkang sekitar Parlimen Wangsa Maju serta berberapa program akan datang dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Antaranya program yang telah dilaksanakan adalah:

- 1) Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang di Lot 2504, 8025 Kampung Padang Balang, Gombak, Kuala Lumpur;
- 2) Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang di Lot 27004, 27006 dan 27008 Kg. Padang Balang, Kuala Lumpur;
- 3) Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang di Lorong Padang Balang 8, Kg. Padang Balang, Kuala Lumpur;

- 4) Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang di Jalan Kubur Kg. Puah, Kuala Lumpur;
- 5) Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang di Persiaran Sungai Mulia, Kuala Lumpur;
- 6) Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang di Kg. Puah Lembah, Kuala Lumpur;
- 7) Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang di Kampung Sungai Merali Off Jalan Gombak, Kuala Lumpur;
- 8) Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang di Jalan Utama Kampung Bandar Dalam, Kuala Lumpur; dan
- 9) Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Berhampiran Sekolah Tahfiz di Kampung Padang Balang, Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, terdapat hanya 1 program dalam perancangan yang belum dilaksanakan iaitu Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang di Lorong Madrasah, Kampung Sungai Merali, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.